

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Selasa, 4 April 2017 8:23 pg
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Mohd Azril Bin Ismail
Subject: INASIS MAS ONLINE: FLASHMOB MAS HEYDAY'17



4 APRIL 2017, SELASA | 7 REJAB 1438H



Oleh: Syaza Nurr Sahira Binti Nor Azli

INASIS MAS ONLINE: Program ini telah diadakan pada 6-9 Mac 2017 yang diketuai oleh JKPS Biro Hal Ehwal Siswi INASIS Malaysia Airlines. Syaza Nur Sahira Binti Nor Azli telah menjadi pengarah program FLASHMOB MAS HEYDAY'17 INASIS Malaysia Airlines. Flashmob ini diadakan bagi mempromosikan MAS HEYDAY kepada semua warga Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pada masa yang sama tujuan flashmob ini diadakan adalah menarik minat semua warga UUM untuk bersama-sama memeriahkan MAS HEYDAY dan melibatkan diri dalam program yang kami jalankan.

Program ini berbentuk tarian mengikut tema yang telah ditetapkan pada setiap tahun bagi menggambarkan tema MAS HEYDAY. Konsep *corporate* telah dipilih sebagai tema bagi tahun ini. Konsep dan idea program ini akan sentiasa berubah mengikut kreativiti. Pasukan flashmob INASIS MAS berpakaian seperti Michael Jackson bagi menepati tema yang telah ditetapkan.

Seramai 15 orang peserta yang terlibat terdiri daripada barisan JKPS INASIS MAS dan pasukan ULTRAS MAS.

Flashmob INASIS MAS telah dipersembahkan kepada seluruh warga UUM sebanyak empat kali di empat lokasi yang berbeza. Lokasi yang telah dipilih ialah Alumni Junction, stesen bas DKG 6, pintu utama Varsity Mall dan medan selera Varsity Mall. Pasukan flashmob juga telah menampilkan diri sebagai persembahan pembukaan semasa perasmian MAS HEYDAY'17.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

